

# MPOB anjur seminar teknikal di UPM

Oleh Rafizah Mazlan

rafizah@mpo.gov.my

**Serdang:** Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dengan kerjasama Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM) buat julang kalinya menganjurkan Seminar Teknikal MPOB (MtecS U) di sini, baru-baru ini.

Seminar yang bertemakan ‘Pengenalan kepada Minyak Sawit dan Aplikasinya’ itu bertujuan memberi pendedahan mengenai industri sawit dan produk berasaskan minyak kepada warga universiti tempatan.

## Kolaborasi UPM, MPOB

Seminar ini berjaya menarik lebih 150 peserta terdiri daripada pelajar dan kakitangan akademik serta bukan akademik UPM.

Peserta yang hadir terdiri daripada warga Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Fakulti Ekologi Manusia, Fakulti Proses dan Kejuruteraan Makanan, Institut Biosains dan lain-lain.

Dekan Fakulti Sains dan Tek-



Sebahagian **peserta seminar teknikal anjuran MPOB** ketika mengikuti pembentangan kertas kerja oleh Pengarah Bahagian Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat MPOB, Rosidah Radzian.

nologi Makanan, UPM, Prof Dato’ Dr Mohd Yazid Abd Manap amat mengalu-alukan aktiviti kolaborasi antara fakultinya dan MPOB, semasa menyampaikan kandungan aluan pada majlis berkenaan.

Beliau juga melahirkan hasrat untuk melihat lebih banyak lagi kerjasama erat dalam bidang penyelidikan dan pembangunan antara fakulti-fakulti di UPM dan MPOB.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Pembangunan Produk

dan Khidmat Nasihat MPOB, Rosidah Radzian ketika membacakan ucapan Ketua Pengarah MPOB berkata, seminar teknikal ini diharap dapat memperkukuhkan lagi pengetahuan peserta terhadap industri sawit negara.

“Seminar ini turut memberi peluang kepada peserta untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai minyak sawit sebagai minyak sayuran pilihan yang baik untuk kesihatan,” katanya.